

Asal-Usul Kata Ganda Berima Bahasa Melayu

Mohd Yunus Sharum
youknows2@gmail.com

Abstrak

Kata ganda berima/berentak ialah satu golongan kata ganda bahasa Melayu. Namun faktor kewujudannya belum diketahui, meskipun sesetengah pengkaji telah menghuraikan ciri-ciri dan proses pembentukannya. Makalah ini mengemukakan suatu teori asal-usul pembentukan kata ganda berima bahasa Melayu, dengan mengaitkannya dengan kewujudan ekspresif dan bahasa ikonik. Berdasarkan hipotesis Wescott, dipercayai kata ekspresif telah mendorong kepada pembentukan sebahagian kata berima yang membentuk kata ganda berima.

Kata kunci: Etnolinguistik, Bahasa Melayu, Penggandaan, Kata Ganda, Penggandaan Berima, Ekspresif

Abstract

Rhythmic reduplication is one of the reduplication processes in Malay language. However the factor of its existence is unknown, although some researchers explained about the words' characteristics and formation process. This article put forward a theory on the possible origin of the Malay rhythmic reduplication, by relating them with the existence of expressives and iconic language. According to the hypothesis by Wescott, it is believed that expressive had influenced the formation of some of the rhyming words which created the rhythmic reduplicated words.

Keywords: *Ethnolinguistics, Malay, Reduplication, Reduplicated Word, Rhythmic Reduplication, Expressive*

Pengenalan

Kata ganda berima (berentak) merupakan salah satu golongan kata ganda yang dikatakan terbentuk berdasarkan eufoni dan kesesuaian bunyi (Asmah, 1975:193; 2008:37; 2009:256). Atas faktor ini jugalah menyebabkan proses penggandaan ini tidak produktif (*sudis.*), kerana rumusnya tidak pernah diketahui dan bergantung kepada naluri penutur. Mohd Yunus dan Zaitul

Makalah ini dibentangkan dalam seminar anjuran Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI), 1-2 September, 2012. Bandar Baru Bangi, Selangor.

Azma (2011) cuba mengetengahkan pembaharuan terhadap penggolongan kata ganda berima dengan mengelaskannya semula kepada 4 golongan baharu iaitu - pengulangan konsonan; pengulangan separa rumus-1 dan rumus-2; serta pengulangan suku kata. Manakala dari aspek semantik pula, kata ganda berima digolongkan secara umum kepada satu fungsi iaitu mempamerkan ciri kepelbagaian. Aspek semantik ini cuba diformalkan dalam (Mohd Yunus *et al.*, 2010). Manakala Nomoto (2012) pula, cuba menjelaskan ciri dan pengaruh fonologi yang mendasari pembentukan kata ganda berima bahasa Melayu.

Meskipun diperbaharui dan diperdalam, masih banyak perkara yang perlu diperjelaskan. Misalnya, ciri eufoni yang dipamerkan oleh penggandaan berima masih belum difahami. Walaupun sesetengah ciri perubahan leksikal itu telah diperjelaskan, namun penerangan yang ada masih kurang mantap. Misalnya dalam perubahan *gunung-ganang*, mengapakah huruf-huruf [-a-a-] berubah kepada [-u-u-]? Amnya faktor pemilihan rumus eufoninya masih kabur. Begitu juga dengan asal-usul kemunculannya dan mengapa golongan ini dibentuk dan digunakan, masih belum dijelaskan.

Ikonisme dan Simbolisme dalam Bahasa Melayu

Wescott membuat beberapa kesimpulan berhubung sifat ikonik dalam bahasa, iaitu (1971:426):

- sifat ikonik itu lebih merupakan sifat relatif (berbanding mutlak) bagi sesuatu sistem komunikasi, termasuk bahasa (*'iconicity is a relative rather than an absolute characteristic of any communication system, language included.'*),
- mengulas pembahagian kategori tanda oleh Charles Sanders Peirce (tanda dibahagikan kepada isyarat dan *indice*, di mana isyarat dibahagi pula kepada ikonik dan simbolik), Wescott berpendapat *indice* akan menonjolkan pola yang sama dengan kelas isyarat; bagi sifat ikonisme dan simbolisme dalamannya,
- ikon linguistik sesuatu bahasa lebih mudah difahami oleh orang yang tidak mahir dalam bahasa tersebut (*'linguistic icons, though less precise than linguistic symbols, are more easily understood by those with imperfect mastery of the language in which they occur.'*),
- ciri ikonisme adalah satu bentuk komunikasi yang lebih tinggi berbanding simbolisme,
- semua bahasa sarat dengan elemen-elemen ikonik. Bagi simbol yang ditemui dalam bahasa-bahasa kontemporari kebanyakannya pernah menjadi ikon. Contoh *laugh* daripada *Proto-Indo-European *klak-*, merupakan petunjuk peniruan bunyi kontemporari seperti *click*, *clack*, dan *cluck*; *knock* /*nak*/, daripada Inggeris Pertengahan *knocken* /*knɔkən*/, petunjuk bagi *konk*, *clank* dan *crack*.

Kesimpulan yang dibuat oleh Wescott menggambarkan bahawa bahasa ikonik itu lebih cenderung untuk muncul dan digunakan oleh penutur, berbanding bahasa simbolik. Bahasa ikonik juga mudah dibentuk kerana ia merupakan bentuk peniruan daripada persekitaran (cth. bunyi bagi onomatopoiik). Ciri kekayaan perbendaharaan kata bahasa Melayu diakui Carr (1966), yang mendapati dalam aspek ekspresif, bahasa Melayu itu lebih tuntas berbanding bahasa Inggeris - *'I believe that the peoples in the Malay/Indonesian and in many other Austronesian language areas cluster a large part of their vocabulary closer to the expressive pole than to the notional. Malay/Indonesian comes closest to English in its ability to accept, adapt, remodel, and assimilate foreign words and concepts. ... Speakers of the Malay/Indonesian area happen to have a suppler instrument available to bring out such overtones and a greater willingness to play it for all it is worth'* (Carr, 1966:375). Penilaian ini dibuat berdasarkan ciri *'quasi expressive'* (sudis.:377) yang dikatakan banyak terdapat dalam bahasa Melayu/Indonesia. Carr mendakwa wujudnya golongan *'quasi expressive'* ini berdasarkan ciri yang terpamer melalui persamaan konsonan dan kaitan semantiknya yang banyak terdapat dalam bahasa Melayu/Indonesia (sudis.).

Tham (1990) berpendapat penggandaan merupakan satu cara asas dan terus-terang untuk mewujudkan rasa emosi dan *'tersentuh'* (*affectivity*) dalam bahasa. Manakala kata ganda berima bahasa Melayu (merangkumi kata berima yang yang dikelaskan kepada onomatopoiia, pengulangan rima (*alliteration*) dan simbolisme vokal) pula merupakan satu cara untuk melanjutkan makna dan sempadan kognitif pada sesuatu kata. Penggandaan penuh dan penggandaan berima lebih kepada membentuk kepelbagaian tahap dalam penekanan makna kata akarnya, bagi menarik perhatian dan simpati pendengar. Tham mendakwa kata ganda berima sangat penting berdasarkan penggunaannya yang meluas dalam bahasa lisan. Oleh itu golongan kata tersebut hanya tertumpu pada bahasa tidak formal, berbanding penulisan yang lebih mengutamakan kata berimbuhan (sudis.:54). Tham juga menegaskan pembentukan kata ganda berima (kata pasangan¹) turut berasaskan simbolisme vokal. Simbolisme vokal ini dikatakan dibentuk secara sistematik berasaskan pertentangan vokal (1979; 1990:54). Namun begitu, ia hanya merangkumi sebahagian kata ganda berima. Kata ganda berima juga didakwa membentuk *'akar-penerang'* di mana komponen kanan bertindak sebagai penerang kepada kata akar di sebelah kiri. Namun dakwaan ini masih kurang menyeluruh kerana terdapat kata akar yang berada di sebelah kanan cth: *genjang-genjot, bengkang-bengkak, kicak-kicau* dsb.

Collins mengungkapkan bahawa satu waktu dahulu pernah diperdebatkan sama ada Bahasa Melayu keseluruhannya terdiri daripada kata onomatopoiia atau tidak (merujuk kepada (Wilkinson, 1936; Gonda, 1946) dari Collins (1979:379)). Dalam pada itu beliau turut mengemukakan pendapat bahawa ekspresif sebenarnya wujud dalam bahasa Melayu, dan sekaligus membuktikan bahawa ikonisme wujud dalam bahasa ini. Ekspresif atau penampilan

¹ Tham menyatakan istilah *kata pasangan* diperkenal dan dihuraikan oleh Za'ba dalam (Za'ba, 1924), tetapi penulis masih belum berpeluang meneliti makalah tersebut.

merupakan segolongan kata yang tergolong sebagai bahasa ikonik yang mempamerkan suatu perasaan dalaman penutur. Collins tidak menganggap golongan ini sebagai kata ganda berima.

Ekspresif didapati banyak digunakan di dalam dialek Melayu Kedah. Bahkan terdapat ciri fonetik dan morfologi yang khusus terhadap pembentukannya (misalnya fonem avular frikatif [R], dan ‘imbuan’ de- dan ke-) (Collins, 1979:382), menjadikannya sebagai satu kelas yang tersendiri (sudis:396). Namun ekspresif hanya ditampilkan dalam bentuk ‘bahasa runcit’ (bahasa umum/lumrah), ‘bahasa serpihan’ (bahasa yang tidak sempurna) atau ‘bahasa saduran’ (bahasa yang memeriahkan bahasa lebih formal) (sudis:396). Kewujudan ekspresif menunjukkan terdapat segolongan kata yang wujud dalam bahasa, tetapi tidak diiktiraf sebagai komponen bahasa formal. Namun ianya tetap boleh menjadi asas kepada pembentukan kata yang bersifat simbolik.

Wescott membuat hipotesis bahawa ciri ikonisme-simbolisme bahasa mengalami proses perubahan menurut salah satu daripada tiga hipotesis berikut (1971:426):

- H1: Dominasi dalam bahasa yang pada asalnya hanya mengandungi ikon-ikon (dirujuk sebagai *pan-iconicity*) telah dileraikan penguasaannya melalui pengenalan simbol-simbol, yang seterusnya menggantikan ikon-ikon yang wujud secara malar sehingga menghasilkan bahasa simbolik (keseluruhan kata dalam bahasa adalah berbentuk simbol-simbol atau simbolik). Dengan kata lain, kata simbolik akan menggantikan kata ikonik secara beransur-ansur hingga kata ikonik itu lenyap terus daripada bahasa tersebut.
- H2: Apabila ikon-ikon *primordial* menjadi simbolik (kesan daripada pemindahan bunyi atau perubahan gaya dan visual), ikon-ikon baharu akan diwujudkan untuk mengimbangi kewujudan kata-kata yang bersifat simbolik. Ini memastikan bahawa ciri simbolik-ikonik dalam sesuatu bahasa sentiasa seimbang.
- H3: Nilai pembahagian relatif ikonisme dan simbolisme dalam bahasa berubah secara beransur-ansur tetapi berentak (pelbagai) iaitu mengikut cara-gaya yang boleh ditampilkan atau tak-tertampilkan. (*the relative proportions of iconism and symbolism in language fluctuate slowly but rhythmically – somewhat in the manner of representational and non-representational art-styles*)

Berdasarkan hipotesis Wescott (dari sini diwakilkan sebagai HW-1, HW-2, HW-3), berkemungkinan bahasa Melayu turut mengalami salah satu daripada fenomena-fenomena tersebut. Kleparski dan Lecki (2003) mengatakan sifat kata dalam bahasa itu sebenarnya berbentuk arbitrari, dan sesuatu bunyi dalam kata tidak menggambarkan sifat sebenar konsep yang diwakili oleh semantikanya. Namun Kleparski dan Lecki tidak menafikan bahawa berlaku perubahan daripada ikonisme kepada simbolisme. Mereka berpendapat onomatopoiik tidak selamanya ikonik, tetapi beransur berubah menjadi simbolik melalui perubahan fonologi dan semantik. Pendapat ini lebih mirip kepada hipotesis HW-1 daripada (Wescott, 1971:426) yang

mengatakan simbolisme akan menggantikan sepenuhnya ikonisme. Onomatopoiik yang mengalami perubahan fonetik turut mengalami perubahan ejaan (ejaan lama ke ejaan baharu). Misalnya percantuman dua huruf vokal: /eo/ = Old English *reord(e)* ‘noise, roar, clamour’ -> *rērde* (*sudis*:77), atau perubahan ejaan: *cry* (English) from *crīen*, *crī(e)* (Middle English) dari *crýe* (Old English) or *crier*, *cri*, *crīee* (Old French) (*sudis*:78).

Manakala dalam aspek semantikanya pula berlaku pengecilan / penyempitan makna, misalnya (dipetik dari (*sudis*: 79-80)) Polish : **gęgać** pada kurun ke-16 membawa maksud ‘bunyi angsa, mengarut, atau bercakap melalui hidung’. Tetapi sekarang hanya merujuk makna ‘bunyi angsa’; **huczeć** ‘membuat bising’ asalnya merangkumi manusia, alat-alat muzik, laut, guruh dan sebagainya, tetapi kini tidak lagi merangkumi manusia. Inggeris : **bray** dulunya merangkumi pelbagai spesis, tetapi kini hanya merujuk kepada manusia atau keldai; **croon** dulunya bermaksud ‘bawah’, ‘derum atau ngauman’, ‘murmur’, ‘mengemam perlahan’, kini merujuk ‘menyanyi penuh sentimental pada mikrofon’. Selain itu perluasan makna turut berlaku - (Polish) **pikać** asalnya ‘bunyi anak ayam’, kini ‘degup jantung yang perlahan’; **gruchać** asalnya menerangkan bunyi burung merpati, kini merujuk makna ‘menggoda’. Pemindahan makna berlaku, tetapi jarang. (*sudis*:79-80).

Namun hipotesis HW-1 boleh ditolak kerana berdasarkan Collins (1979) didapati bahasa ikonik yang baharu masih lagi dibentuk, sekaligus menafikan bahawa ianya diambil alih sepenuhnya oleh bahasa simbolik. Misalnya, Collins mengungkapkan bahawa ‘... *there is a broad range of interpretation and inventiveness ... some expressives are new...*’ (1979:396), yang menggambarkan bahawa pembentukan ekspresif atau ikonik tidak akan berhenti. Namun penulis mendapati terdapat beberapa aspek perubahan yang dialami oleh bahasa Melayu sepertimana diandaikan oleh HW-2 dan HW-3.

Menurut HW-2, amnya bahasa akan sentiasa mengimbangkan ikonisme dan simbolisme. Berdasarkan kamus Howison (1801), terdapat beberapa kata yang bersifat ikonik seperti **prang prus** (*sudis*:I-74); **oyang goyang** (*sudis*:I-209, I-219); **cala cola** (*sudis*:I-177, I-216); dan **chinchong** (*sudis*:I-152). Manakala berdasarkan tinjauan Collins (1979), onomatopoiik seperti **cuk-crat**, **biu-biu**, **krok-krak**, **tit-tit** dan ekspresif **kuek-kuek** dsb. masih lagi diamalkan oleh penutur dialek Melayu Kedah. Ini menunjukkan bahawa kata ikonisme itu sentiasa dibentuk dan digunakan. Bahkan sebahagiannya telah berubah bentuk (cth. **oyang-goyang** => **goyang-goyang**). Selain itu, antara contoh yang diberi oleh Collins (1979) ialah **kuek-kuek**, yang menerangkan ‘pergerakan’ cth. ‘pergerakan ular di atas air’. Berdasarkan Kamus Dewan edisi ke-4 (Noresah, 2007:832), **kuak** bermaksud ‘bunyi katak atau kerbau’. Tetapi ia juga bermaksud ‘gerakan menolak air dgn tangan semasa berenang’. Maka terdapat persamaan makna ‘berenang’ antara **kuek** dan **kuak**, dan berkemungkinan wujud pertalian asal-usul. Begitu juga dengan kata **denyut** yang jelas berasal dari kata ekspresif **nyut-nyut**. Justeru terdapat kecenderungan bahawa suatu elemen ikonik itu akan diterima atau diubah sebagai elemen simbolik.

Namun begitu, sukar untuk kita menentukan sejauh mana keseimbangan yang wujud antara ikonisme dan simbolisme dalam bahasa kerana sesetengah kata ikonik hanya wujud dalam dialek sebagai bahasa koloqial, walaupun kita boleh menentukan bahawa perubahan dan pembentukan kata baharu (ikonik mahupun simbolik) sentiasa berlaku. Menurut HW-3, pembahagian (nisbah) antara ikonisme dan simbolisme berubah secara beransur-ansur dan pelbagai; dan dipengaruhi oleh keupayaan cara-gaya (*art-styles*) sesuatu bahasa itu ditampilkan. Hipotesis ini lebih munasabah kerana dalam bahasa Melayu terdapat kecenderungan onomatopoiik atau ekspresif untuk berubah kepada kata lain (misalnya menjadi kata ganda berima), namun pada yang sama terdapat onomatopoiik yang terus kekal dengan bentuk sedia ada. Misalnya kata *nyut* masih kekal sebagai ekspresif (cth: *nyut-nyut* menjelaskan rasa sakit kepala atau rasa sakit berdenyut-denyut), namun istilah *denyut* sudah berubah kepada kata simbolik (cth: *denyut nadi* = ‘gerakan nadi’ (Noresah, 2007:337)).


Teori Evolusi Pembentukan Kata Berima

Berdasarkan kewujudan ekspresif dan faktor perubahan yang berterusan antara ikonisme dan simbolisme, penulis membahagikan kewujudan kata berima dalam bahasa Melayu kepada 4 golongan:

1. **Ekspresif** – kata yang dibentuk melalui persamaan dengan bunyi suatu peristiwa atau jujukan aksi yang digambarkan/dialami oleh penutur.
2. **Kata berima tunggal (gabungan morfem)** – morfem-morfem yang digabungkan / dibentuk bagi mewakili sesuatu makna/konsep
3. **Kata berima berpelengkap** – morfem terikat dibentuk sebagai pelengkap, untuk memberi penekanan kepada kata akarnya yang mewakili sesuatu makna
4. **Kata berima majmuk (gabungan 2 kata bebas)** – dua kata bebas yang saling berkait maknanya digabungkan bagi mewakili sesuatu makna. Dikelaskan sebagai frasa rangkap kata oleh Abdullah (2008).

Rajah 1 menunjukkan peringkat-peringkat evolusi sesuatu kata daripada peringkat pembentukannya yang melibatkan ekspresif, kata berima tunggal, kata berima berpelengkap dan kata berima majmuk. Penulis membuat suatu hipotesis bahawa pada asalnya kata berima itu merupakan golongan **ekspresif** yang hanya digunakan dalam bahasa pertuturan. Golongan ekspresif ini dibentuk melalui imitasi ciri onomatopoiik, mahupun emosi penutur terhadap suatu aktiviti daripada persekitaran. Perkara ini tidak semestinya menggambarkan bahawa penutur tersebut adalah masyarakat primitif, kerana berdasarkan HW-3 bahasa ikonik itu akan sentiasa dibentuk bagi mewujudkan keseimbangan ikonisme-simbolisme dalam sesuatu bahasa. Buktinya

diperlihatkan melalui kata ekspresif yang didapati wujud sejak kurun ke-19 cth. *prang-prus* (Howison, 1801) dan masih dibentuk pada pertengahan kurun ke-20 cth. *cut-crat*, *kruk-krak* (Collins, 1979).



Rajah 1 - Peringkat-peringkat evolusi kata berima daripada ekspresif kepada kata berima majmuk. α , β dan γ merupakan fungsi perpindahan di mana suatu kata dalam satu kelompok mengalami evolusi dan berpindah kepada kelompok yang lain. Misalnya melalui fungsi- α suatu kata ekspresif berubah menjadi kata yang dibentuk oleh gabungan morfem. Tapi tidak semestinya kata dari golongan ekspresif akan melalui ketiga-tiga fungsi (Lengkung α , β dan γ menggambarkan proses tersebut berlaku secara tidak sekata (beritma) dan beransur-ansur).

Dalam suatu peringkat masa, sebahagian kata ekspresif akan mengalami proses evolusi (cth. perubahan/penambahan fonem) yang menjadikannya kepada bentuk **berima tunggal**, iaitu gabungan morfem-morfem, menerusi suatu fungsi- α . Manakala sebahagian yang lainnya akan kekal sebagai ekspresif. Pada masa yang sama berlaku pembentukan kata berima tunggal yang bukan daripada ekspresif. Ini mewujudkan dua golongan kata – iaitu yang berasal dari ekspresif dan yang bukan berasal daripadanya. Misalnya, kata *keruk-kerak* daripada ekspresif *kruk-krak*, dan *selu-sela* yang bukan dari ekspresif.

Dalam peringkat kedua evolusi, sebahagian kata berima tunggal tersebut akan berubah kepada kata **berima berpelengkap** menerusi suatu fungsi- β . Manakala sebahagian yang lainnya akan terus kekal sebagai kata berima tunggal. Pembentukan kata berima berpelengkap yang bukan berasal dari kata berima tunggal turut berlaku semasa proses evolusi. Hal ini menghasilkan dua golongan kata berima berpelengkap - iaitu dari kata berima tunggal (dan

mungkin juga daripada ekspresif) dan kata berima berpelengkap yang bukan daripadanya. Misalnya, *gerak-geri* yang berasal dari *gerak-gerik*, dan *bengkang-bengkok* yang bukan hasil evolusi.

Seterusnya peringkat ketiga evolusi akan mengubah sebahagian kata berima berpelengkap kepada kata **berima majmuk** menerusi fungsi- γ . Kata berima ini menjadi majmuk kerana komponen-komponen morfemnya sudah dibentuk menjadi morfem bebas (misalnya kata akar). Sementara sebahagian kata lainnya yang tidak mengalami evolusi kekal sebagai berima berpelengkap. Pada masa yang sama turut berlaku pembentukan kata berima majmuk yang lain yang bukan daripada evolusi. Ini mewujudkan dua golongan iaitu kata berima majmuk daripada proses evolusi dan yang bukan daripadanya. Misalnya *asal usul* dan *tanah tanih*.

Namun dalam hipotesis evolusi kata berima ini, sukar untuk penulis memberikan contoh kata ekspresif yang berakhir dengan kata berima majmuk (jika adapun sedikit bilangannya). Dalam hipotesis penulis, hubungan antara peringkat-peringkat itu ialah fungsi perubahan mendorong pembentukan golongan dalam peringkat seterusnya (tanpa melalui fungsi perubahan itu). Misalnya, perubahan ekspresif kepada kata berima tunggal (fungsi- α) akan mendorong kepada pembentukan kata berima tunggal yang bukan dari ekspresif. Begitu juga dengan perubahan kata berima berpelengkap daripada berima tunggal (fungsi- β) akan mendorong kepada pembentukan kata berima berpelengkap yang bukan dari kata berima tunggal, dan fungsi- γ mendorong pembentukan kata berima majmuk yang bukan daripada kata berima berpelengkap. Justeru evolusi yang dimaksudkan ialah evolusi terhadap kaedah pembentukan kata berima yang membentuk suatu golongan kata berima lain, dan tidak semestinya melibatkan satu turunan yang lengkap.

Peringkat evolusi ini kelihatan berakhir dengan kata berima majmuk. Namun proses tersebut sebenarnya mungkin tidak terhad di situ kerana ia bergantung kepada sejauh mana kefahaman penutur terhadap tahap simbolik sesuatu kata yang dibentuk. Misalnya simpulan bahasa juga merupakan segolongan kata yang lebih simbolik berbanding kata berima majmuk. Namun penulis tidak mengambil kira simpulan bahasa kerana sifat simboliknya lebih menumpukan kepada kaitan antara semantik (kata dan konsep) dan bukan antara penampilan kata dengan konsep. Melalui peringkat-peringkat evolusi dan pelbagai proses pembentukan kata mewujudkan apa yang kita temui sebagai golongan kata berima.

Namun terdapat sesetengah kata yang lebih memiliki ciri simbolik terhadap kepelbagaian dan tidak terpamer dalam bentuk rima, iaitu kata ganda berima / berentak bebas seperti *nenek-moyang*, *sahabat-handai*, dan rangkap kata seperti *turun naik*, *sepak terajang* dan sebagainya. Kata ganda bebas digolongkan sebagai kata berima (berentak) oleh Nik Safiah et al (2006) kerana dipercayai hubungan 'rima' berlaku pada paras suprasegmentalnya. Abdullah (2008) menggolongkan rangkap kata sebagai frasa rangkap kata.

Dalam konsep penggandaan, pengulangan itu bermaksud menggandakan makna inti kata yang diulang. Justeru bagi penggandaan kata berima (pengulangan secara berima) bermaksud menggandakan makna menjadi makna yang berganda dan pelbagai. Justeru dinamakan kata ganda berima yang membentuk makna jamak, bersangatan, penekanan maksud dan sebagainya dalam bentuk yang pelbagai. Di antara empat golongan kata berima itu, hanya dua yang dianggap kata ganda berima iaitu kata berima tunggal (dua unit morfem membentuk satu kata dasar) dan kata berima berpelengkap (akar-pelengkap / pelengkap-akar).

Kesimpulan

Kesimpulannya, penulis berpendapat kata ganda berima merupakan hasil evolusi daripada kata ekspresif yang hilang sifat ikoniknya secara beransur-ansur. Perubahan ini telah mendorong pembentukan dua jenis kata ganda berima.

Melalui hipotesis evolusi pembentukan kata berima dapat menjelaskan bahawa proses pembentukan kata wujud secara beransur-ansur, iaitu melalui perubahan suatu proses yang dibentuk sebelumnya terutamanya yang terarah kepada sifat simbolik yang tinggi. Misalnya dalam proses pembentukan kata bercirikan nilai simbolik yang tinggi seperti kata berima majmuk, ianya tidak muncul secara tiba-tiba tetapi difahami dan dibentuk melalui proses pembentukan lain seperti kata berima berpelengkap, yang di'tiru' daripada pembentukan kata berima tunggal, yang di'tiru' daripada kata ekspresif. Walaupun ia melibatkan segolongan kata iaitu kata berima, evolusi yang sama mungkin dialami dalam pembentukan kata jenis lain. Bahkan dalam kalangan golongan kata berima itu ada yang berasal dari susur-galur lain tetapi bersatu untuk membentuk satu golongan (misalnya kata dari susur-galur ekspresif dengan yang bukan berasal dari ekspresif membentuk kata berima tunggal).

Selain itu teori evolusi pembentukan kata berima lebih kepada 'membuktikan' hipotesis Wescott (1971) (penulis menggelarkannya HW-3) yang mencadangkan bahawa suatu nisbah antara ikonik dengan simbolik akan berubah mengikut ritma/rentak tertentu berdasarkan cara-gaya yang boleh atau tidak boleh ditampikan. Hal ini terserlah melalui pembentukan berterusan kata ikonik walaupun pada masa sama pembentukan kata simbolik turut berlaku. Hal ini sekaligus menjadikan nisbah dan perkembangan kata ikonik dan yang lebih simbolik sentiasa turun-naik dan tidak sekata.

Bibliografi

Abdullah (2008) *Tatabahasa Pedagogi untuk Sekolah Menengah*. PTS Professional, KL.

- Asmah Omar (1975) Reduplication in Malay. *Essays on Malaysian Linguistics*. Dewan Bahasa dan Pustaka, KL.
- _____ (2008) *Nahu Kemas Kini*. PTS Professional, KL.
- _____ (2009) *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi ke-5. Dewan Bahasa dan Pustaka, KL.
- Carr, Denzel (1966) Homorganicity in Malay / Indonesian in Expressives and Quasi Expressives. *Language*, Vol 42, No. 2 (April – Jun). pp 370-377.
- Collins, James (1979) Expressives in Kedah Malay, dlm *South-east Asian Linguistic Studies* Vol. 4, ed. N.D. Liem, vol. 4, pp. 379-406. Pacific Linguistics, the Australian National University.
- Howison, James (1801) *A Dictionary of The Malay Tongue*. Vol 2. Arabic and Persian Press, London.
- Kleparski, Grzegorz A., dan Łęcki, Andrzej M. (2003) Phonological and semantic changes affecting onomatopoeic formations and their relevance for linguistic theory. *Studia Anglica Resoviensa 2*, Zeszyt 14/2003.
- Mohd Yunus S., Zaitul Azma Z.H., Mohd Rohaizat A.W., dan Mat Rofa I. (2010). Formal Properties and Characteristics of Malay Rhythmic Reduplication. Dlm *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, Volume 8, pp:750-756. (DOI: 10.1016/j.sbspro.2010.12.104)
- Mohd Yunus Sharum dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2011). Golongan dan Rumus Kata Gandaan Berima. *Jurnal Bahasa*, Jilid 11, Bil.1 Jun 2011. Dewan Bahasa dan Pustaka, KL.
- Namoto, Hiroki (2012) Consonant-changing reduplication in Malay as identity avoidance. Dlm Prosiding *19th Annual Meeting of the Austronesian Formal Linguistics Association (AFLA)* June 26-30, 2012, Taipei, Taiwan.
- Nik Safiah K., Farid M.O., Hashim M., dan Abdul Hamid M. (2006) *Tatabahasa Dewan, Edisi Baharu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, KL
- Noresah Baharom (peny.) (2007) *Kamus Dewan, Edisi Keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). KL, Malaysia.
- Tham Seong Chee (1990) *A Study of The Evolution of The Malay Language*. Singapore University Press, National University of Singapore.
- Wescott, Roger W. (1971) Linguistic Iconism. *Language*, Vol 47, No. 2 (Jun 1971). pp 416-428

Za'ba @ Zainal Abidin Ahmad (1924) Pair-Words in Malay. *Journal of the Malayan Branch of The Royal Asiatic Society* 5. pp324-338.